

# Signature Dynamic Income Fund

## Cipta peluang kewangan dengan mudah

Eksklusif untuk CIMB Bank sahaja




### Mengapa melabur dengan dana ini sekarang?

#### 1 Potensi bayaran bulanan sebanyak 6% setahun\*

Dana ini melabur dalam pelbagai jenis bon yang bertujuan untuk mencapai bayaran bulanan tetap\* serta membolehkan pelabur membina pendapatan pasif yang kukuh.


##### Model pembahagian portfolio<sup>1</sup>



#### 2 Manfaat peluang pulangan tinggi sekarang

Hasil bon kini berada pada tahap tertinggi dalam sejarah, memberikan peluang yang baik untuk mengunci tahap hasil yang tinggi. Tambahan pula, pulangan yang menarik ini telah menjadikan bon sebagai komponen penting dalam portfolio pelaburan yang membantu pelabur menjana pendapatan yang stabil.


##### Pulangan bon menarik melebihi purata 10 tahun (%)<sup>2</sup>



#### 3 Menawarkan potensi keuntungan modal dalam kitaran pemotongan kadar faedah

Secara asasnya, harga bon dan pemotongan kadar faedah berkait secara songsang. Untuk pelaburan bon, kitaran pemotongan kadar menawarkan peluang keuntungan modal kepada pelabur. Oleh itu, dana ini berada di kedudukan yang baik untuk mengaut peluang pasaran semasa kitaran pemotongan kadar sekaligus memaksimumkan pulangan.

##### Hubungan songsang antara harga bon dan kadar faedah



#### 4 Portfolio pengurusan risiko berdasarkan kitaran pasaran

Dana ini direka untuk mengurus risiko secara efektif dan memberi penyelesaian bersesuaian. Dengan memberi tumpuan kepada bon berkualiti, dana ini bertujuan untuk memberikan ketahanan dan mengurangkan risiko kepada modal pelabur, tanpa mengira situasi pasaran.

BBB -  
anggaran  
penilaian  
kredit



Kualiti gred pelaburan untuk meningkatkan kestabilan pulangan

Tempoh  
3-5 tahun



Tempoh yang singkat untuk mengurangkan risiko dengan ketidakpastian yang lebih rendah

\*Pembayaran akan mula diedarkan antara enam hingga sembilan bulan selepas tarikh permulaan (22 Oktober 2024), dan ia tidak dijamin. Tarikh permulaan merujuk kepada Hari Perniagaan berikutnya selepas tamat tempoh tawaran awal.

Nota:  
1: Sumber Principal: Data setakat 31 Julai 2024. Model portfolio yang dicadangkan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Portfolio awal pada skala di bawah US\$20 juta dimodelkan berdasarkan pengagihan kelas aset yang luas, untuk dicapai melalui peruntukan kepada ETF dan skim pelaburan kolektif (CIS). Portfolio ini dijangka akan melabur secara langsung dalam sekuriti pada skala di atas US\$50 juta.

2: Sumber: Bloomberg, Principal. Data setakat 31 Mei 2024. Indeks: Bon kadar hasil tinggi, Bloomberg Global kadar hasil tinggi; Bon matawang lokal: Bloomberg EM USD Aggregate Total Returns Index; Global investment grade bonds: Bloomberg Global Aggregate Corporate Index; Preferred securities: ICE BofA US All Capital Securities Index.

Prestasi terdahulu tidak mencerminkan prestasi masa hadapan dan tidak seharusnya dijadikan asas utama untuk membuat keputusan pelaburan. Anda perlu mempertimbangkan pelaburan bersesuaian dengan objektif pelaburan, keperluan tertentu dan situasi kewangan sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan.

# Melabur dengan Principal

**Memanfaatkan peluang istimewa** yang ditemui oleh lebih daripada 1,000 profesional pelaburan yang berada di seluruh Asia, kami mencipta penyelesaian tersuai untuk memenuhi keperluan unik pelanggan kami.

**Memanfaatkan keupayaan global** dengan menggabungkan kepakaran pelaburan global kami dengan lancar, proses yang canggih dan rekod prestasi yang terbukti, kami meningkatkan peluang yang menarik untuk pelanggan kami.

**Pengalaman transformatif di Asia** dengan pengalaman pelaburan selama tiga dekad dan pengetahuan pasaran yang mendalam, kami memahami keperluan dan aspirasi yang berkembang bagi pelanggan kami di seluruh Asia.

## Fakta dana

<b>Jenis Dana/ Jenis</b>	Pendapatan Tetap/ Pendapatan
<b>Objektif Dana</b>	Dana bertujuan menyediakan pendapatan tetap dengan melabur dalam portfolio aset yang dipelbagaikan secara global
<b>Penanda Aras</b>	90% BBG Global Aggregate Bond Index dan 10% MSCI ACWI Index untuk tujuan perbandingan prestasi sahaja
<b>Pengurus</b>	Principal Asset Management Berhad
<b>Asas matawang</b>	USD
<b>Kelas unit</b>	MYR, MYR-Hedged, USD, SGD, SGD-Hedged, AUD, AUD-Hedged
<b>Yuran permohonan</b>	Sehingga 2.00% NAB seunit
<b>Yuran pengurus</b>	Sehingga 1.20% NAB Kelas setahun
<b>Yuran pemegang amanah</b>	Sehingga 0.045% NAB Kelas setahun
<b>Tempoh bertenang</b>	Anda mempunyai enam (6) hari bekerja selepas pelaburan permulaan (tarikh permohonan lengkap diterima dan diluluskan oleh kami atau pengedar kami) untuk mempertimbangkan semula kesesuaian dan keselesaan mengikut keperluan pelaburan anda. Dalam tempoh ini, anda dibenarkan mengeluarkan pelaburan anda pada NAB yang sama seunit semasa unit dibeli atau NAB lazim seunit pada tempoh bertenang (yang mana lebih rendah) ("Jumlah Pembayaran Balik"). Kami akan membuat pembayaran balik termasuk Yuran Permohonan (sekiranya ada) mengikut matawang berkenaan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari penerimaan resit pengeluaran daripada Dana Sasaran. Sila ambil maklum bahawa tempoh bertenang hanya diberikan kepada pelabur kali pertama bersama kami atau pengedar kami. Walau bagaimanapun, kakitangan Principal Malaysia atau seseorang yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh SC untuk mengurus dana unit amanah adalah tidak berhak mendapat hak tempoh bertenang.
<b>Yuran penukaran</b>	Penukaran akan dikendalikan bersesuaian dengan nilai pelaburan anda dalam Kelas. Jumlah minimum penukaran adalah seperti berikut: <b>Untuk penukaran keluar daripada Kelas:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• pengeluaran minimum bersesuaian dengan Kelas;</li><li>• baki minimum yang diperlukan (selepas penukaran), kecuali anda mengeluarkan kesemuanya daripada Kelas; dan</li><li>• denda Pengeluaran bagi Kelas (sekiranya ada);</li></ul> <b>Untuk penukaran masuk ke dalam Kelas:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• jumlah pelaburan permulaan minimum atau jumlah pelaburan tambahan minimum (sebagaimana yang berkenaan) bersesuaian dengan Kelas; dan</li><li>• yuran penukaran bersesuaian dengan penukaran yang dicadangkan (sekiranya ada).</li></ul> Anda dibenarkan berunding bagi sebarang pengurangan jumlah penukaran dengan kami atau Pengedar kami.
<b>Pemindahan</b>	Kami berhak, atas budi bicara mutlak kami, membenarkan atau menolak pemindahan unit dimana tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian.

Nota: Kami berhak menggunakan budi bicara kami yang tunggal dan mutlak tanpa memberikan sebarang sebab sama sekali dan pada bila-bila masa untuk menerima, menolak, memperbetulkan, mengubah, mengecualikan dan/atau mengurangkan (sebagaimana keadaannya) seperti berikut: (i) permohonan anda untuk jumlah atau bilangan unit yang lebih rendah semasa pembelian unit (atau unit tambahan) atau pengeluaran unit; dan/atau (ii) baki minimum. Bagi penambahan bilangan unit untuk pengeluaran minimum dan baki minimum, kami akan memerlukan persetujuan dari Pemegang Amanah dan anda akan dimaklumkan mengenai perubahan tersebut. Kami berhak atas sebarang sebab dan pada bila-bila masa, mengecualikan atau mengurangkan: (a) sebarang yuran (kecuali Yuran Pemegang Amanah); (b) caj lain yang perlu dibayar oleh anda berkaitan dengan Dana; dan/atau (c) nilai transaksi termasuk tetapi tidak terhad kepada unit atau jumlah, untuk mana-mana pemegang Unit dan/atau pelaburan yang dibuat melalui mana-mana saluran pengedaran atau platform.

## Maklumat kelas

Maklumat transaksi*	Kelas MYR	Kelas MYR-Hedged	Kelas USD	Kelas SGD	Kelas SGD-Hedged	Kelas AUD	Kelas AUD-Hedged
Pelaburan permulaan minimum	MYR 100	MYR 100	USD 100	SGD 100	SGD 100	AUD 100	AUD 100
Pelaburan tambahan minimum	MYR 100	MYR 100	USD 100	SGD 100	SGD 100	AUD 100	AUD 100
Pengeluaran minimum	100 unit						
Baki minimum	100 unit						

\*atau sebarang bilangan unit lain yang ditentukan dari semasa ke semasa.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.principal.com.my](http://www.principal.com.my), hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan di (03) 7723 7260 atau Whatsapp di (6016) 299 9792, emelkan ke [myservice@principal.com](mailto:myservice@principal.com) atau kunjungi mana-mana cawangan pengurus kami yang sah di seluruh negara.

**Penafian:** Kami sangat mengesyorkan anda membaca dan memahami kandungan Prospektus bagi Signature Dynamic Income Fund bertarikh 1 October 2024, yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) sebelum membuat pelaburan. Simpanlah Prospektus ini dengan teliti untuk dijadikan rujukan masa depan anda. Pengeluaran unit yang berkaitan dengan Prospektus ini hanya akan diproses setelah menerima borang permohonan lengkap yang dirujuk dan disertakan dalam Prospektus, tertakluk pada terma dan syarat yang terkandung di dalamnya. Pelaburan dalam Dana ini mempunyai risiko. Pastikan anda memahami risiko tersebut, membuat penilaian risiko anda sendiri, dan dapatkan nasihat profesional jika perlu. Anda boleh mendapatkan salinan Prospektus daripada ibu pejabat Principal Asset Management Berhad, melalui laman web kami di [www.principal.com.my](http://www.principal.com.my), atau mana-mana pengedar kami yang diluluskan. Terdapat yuran dan caj yang terlibat dalam pelaburan dalam dana ini. Kami mencadangkan agar anda mempertimbangkan yuran dan caj ini dengan teliti sebelum membuat pelaburan. Pelabur berhak untuk meminta Prospektus, Lembaran Sorotan Produk (PHS) dan dokumen pendedahan produk lain; dan dokumen tersebut harus dibaca dan difahami sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Harga unit dan agihan pendapatan, jika ada, boleh turun naik. Prestasi masa lalu tidak mencerminkan prestasi masa depan dan agihan pendapatan tidak dijamin. Anda juga disyorkan untuk membaca dan memahami kandungan Penyataan Pendedahan Risiko Pembiayaan untuk Pelaburan dalam Unit Amanah sebelum membuat keputusan untuk mendapatkan pembiayaan bagi membeli unit. Pendaftaran Prospektus dengan SC tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa SC mengesyorkan atau menyokong dana tersebut, dan SC tidak menyemak iklan yang dikeluarkan oleh Principal.

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

**Tentang kami:** Principal Malaysia, ialah usaha sama antara Principal Financial Group®, ahli FORTUNE 500® dan perkhidmatan kewangan global tersenarai Nasdaq dan CIMB Group Holdings Berhad, salah satu kumpulan perbankan universal terkemuka di Asia Tenggara. Ia ditubuhkan pada 13 Jun 1994, dengan ibu pejabatnya di Malaysia dan mempunyai cawangan di seluruh Indonesia, Thailand dan Singapura. Kami menawarkan pelbagai jenis penyelesaian untuk membantu orang ramai dan syarikat dalam membina, melindungi dan memajukan kesejahteraan kewangan mereka dengan unit amanah, skim persaraan, mandat budi bicara dan kepakaran pengurusan aset kami. Melalui idea-idea inovatif dan penyelesaian kehidupan sebenar, syarikat membantu melakukan kemajuan kewangan ke arah masa hadapan kewangan yang lebih terjamin untuk pelanggan dari pelbagai saiz pendapatan dan portfolio. Principal, Principal dan reka bentuk simbol, dan Principal Financial Group ialah tanda dagangan dan tanda perkhidmatan Principal Financial Services, Inc., ahli Principal Financial Group®. © 2024 Principal Financial Services, Inc.

**Principal Asset Management Berhad** 199401018399 (304078-K)  
**Customer Service Centre**

Level 31, Exchange 106, Lingkaran TRX,  
 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur, Malaysia.

